

# Kini dinamakan Bulan Keluarga Malaysia

m/s: 12

Sinar Harian - 8/11/2021

PM umum nama baharu ganti Bulan Keluarga Kebangsaan

Oleh NUR IFTITAH ROZLAN

KUALA LUMPUR

**S**eiring dengan semangat dan aspirasi Keluarga Malaysia, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob pada Ahad mengisytiharkan Bulan Keluarga Kebangsaan yang disambut pada November setiap tahun bakal dikenali sebagai Bulan Keluarga Malaysia.

Ismail Sabri berkata, Bulan Keluarga Malaysia 2021 akan memfokuskan nilai pengkayaan Keluarga Malaysia iaitu K.A.S.I.H. yang merangkumi kasih sayang, akhlak atau peri-

badi mulia, sihat fizikal dan mental, berilmu serta harmoni sebagai nilai yang perlu ada dalam setiap ahli keluarga.

Menurut beliau, Keluarga Malaysia bertunjangan tiga teras utama iaitu keterangkuman, kebersamaan dan kesyukuran yang mempunyai visi jangka panjang untuk memulihkan negara dengan pendekatan kekeluargaan.

"Ia juga bersifat *actionable* kerana setiap kementerian akan memperkenankan sekurang-kurangnya satu program dan inisiatif yang bermatlamat membantu mengurangkan kesan ekonomi yang ditanggung rakyat," katanya pada Majlis Pelancaran sambutan Bulan Keluarga Malaysia 2021 di Taman Botani, Kuala Lumpur pada Ahad.

Hadir sama, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rina Mohd Harun; Menteri Pengajian

Tinggi, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad; Menteri Belia dan Sukan, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali.

Jelas Ismail Sabri, sambutan pada tahun ini akan menjadi landasan untuk menyemarakkan keutuhan dan keterangkuman dalam Keluarga Malaysia, sekali gus menjamin kemakmuran serta perpaduan keluarga yang besar.

"Selain penyertaan kementerian dan kerajaan negeri sebagai penggerak utama program, kerajaan berharap sektor swasta, badan bukan kerajaan (NGO) dan komuniti turut mengambil bahagian agar program kesejahteraan keluarga dilaksanakan sebanyak mungkin.

"Penganjuran program boleh dilakukan di peringkat nasional secara gandingan kerjasama dengan agensi kerajaan sebagai acara nasional negara," ujar beliau.



Ismail Sabri (dua dari kiri) mengimbas QR kod semasa merasmikan sambutan Bulan Keluarga Malaysia 2021 di Taman Botani, Kuala Lumpur pada Ahad.

Sementara itu, Rina berkata, Bulan Keluarga Malaysia 2021 akan turut diwarnai dengan sambutan peringkat negeri dan penganjuran program berbentuk *outreach* yang meliputi advokasi serta kesedaran berkaitan nilai-nilai kekeluargaan.

Menurutnya, kira-kira 120 aktiviti akan diadakan oleh kementeriannya menerusi kerjasama dengan kerajaan negeri, NGO, sektor swasta dan komuniti setempat.

Beliau memberitahu, antara aktiviti yang dijalankan termasuk Persidangan Kependudukan Kebangsaan (16 hingga 17

November), Forum Konsultatif Keluarga dan pertandingan aktiviti Cuti-cuti Keluarga di Negeri Sembilan.

Tambah Rina, kementeriannya menerusi Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah mengilhamkan inisiatif Prihatin Rumah Tangga yang membolehkan pasangan berhadapan krisis kekeluargaan dapat berhubung terus dengan kaunselor.

"Inisiatif ini direalisasikan dengan memperkenalkan Toll Free Helpline Family Care @ LPPKN 1-800-82-0300," jelas beliau.